

06 DEC 1996

USM ANJUR SEMINAR EKONOMI POLITIK ISLAM

PULAU PINANG, 6 Dis (Bernama) -- Universiti Sains Malaysia (USM) akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Ekonomi Politik Islam selama dua hari mulai Selasa ini.

Persidangan yang bertemakan "Ekonomi Politik Islam : Metodologi dan Amalan dari Perspektif Asia Dalam Timbul Balas Kepada Globalisasi" itu akan dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Hamdan Sheikh Tahir di Dewan Persidangan universiti berkenaan.

Hamdan juga akan merasmikan buku bertajuk "Political Economy in Capitalist Globalization : An Agenda for Change" pada persidangan berkenaan, demikian menurut satu kenyataan USM, hari ini.

Menurut kenyataan itu, objektif persidangan ialah untuk membincangkan metodologi dan hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi politik Islam menurut epistemologi berasaskan Al-Quran, Sunnah dan Ijtihad.

Selain itu, USM juga akan menjadi tuan rumah kepada sidang video Infotech Malaysia '96 yang akan dipancarkan secara langsung dari Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur dari Rabu hingga Jumaat.

Persidangan penuh sidang video Infotech itu akan dipancarkan terus ke dewan persidangan USM yang akan turut menyiarkan ucapan perasmian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis pukul 8.30 pagi.

Mereka yang berminat mengetahui perkembangan terkini dalam teknologi maklumat boleh mendaftar diri di USM dengan menelefon 04-657 7888. --

BERNAMA

RA PR